

Sejarah Tahun 5: Bahasa Kebangsaan

1. Apakah dia bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia

- A. bahasa India
- B. bahasa Melayu
- C. bahasa Cina

2. Apa yang terjadi kepada bahasa selain bahasa Melayu seperti bahasa Cina dan India apabila bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi Malaysia?

- A. hanya boleh digunakan untuk urusan pejabat
- B. masih boleh digunakan dalam komunikasi harian
- C. haram digunakan

3. Berikut merupakan peranan bahasa kebangsaan, **kecuali**

- A. lambang keaiban diri
- B. lambang jati diri
- C. asas pembinaan negara bangsa

4. Bagaimanakah bahasa kebangsaan mampu menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa di Malaysia?

- A. bahasa kebangsaan berperanan sebagai bahasa rasmi yang boleh difahami oleh semua masyarakat berbilang kaum di Malaysia untuk digunakan dalam kehidupan seharian bagi membentuk perpaduan
- B. bahasa kebangsaan berperanan sebagai bahasa rasmi yang boleh difahami oleh semua masyarakat berbilang kaum di Malaysia untuk digunakan dalam kehidupan seharian bagi membentuk perpecahan
- C. bahasa kebangsaan berperanan sebagai bahasa rasmi yang tidak boleh difahami oleh semua masyarakat berbilang kaum di Malaysia untuk digunakan dalam kehidupan seharian bagi mewujudkan perbalahan kaum

5. Kenapakah pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia untuk memartabatkan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu?

- A. bahasa kebangsaan merupakan alat pencetus perbalahan kaum
- B. bahasa kebangsaan merupakan alat perhubungan bagi memecahbelahkan rakyat
- C. bahasa kebangsaan merupakan alat perhubungan bagi mengeratkan perpaduan